



PERLEMBAGAAN KESDAT

- * Dengan pindaan yang dibuat pada 15.6.1996
- * Dengan pindaan yang dibuat pada 17.3.2018
- * Dengan pindaan yang dibuat pada 28.1.2019

“UNDANG-UNDANG DAN PERLEMBAGAAN”
KELAB KEBAJIKAN DAN SUKAN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH
KLANG

FASAL 1 NAMA, ALAMAT POS DAN TEMPAT URUSAN

- 1.1. Kelab ini dikenali dengan nama Kelab Kebajikan dan Sukan Pejabat Daerah dan Tanah, Klang atau ringkasnya ‘KESDAT’.
- 1.2. Tempat urusan Kelab ialah Pejabat Daerah dan Tanah Klang Selangor Darul Ehsan atau di lain-lain tempat yang akan ditetap Jawatankuasa dari masa ke semasa.
- 1.3. Alamat berdaftar Kelab ini tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 2 LAMBANG DAN LOGO

- 2.1. Warna merah melambangkan keberanian dan kegigihan setiap Kelab untuk perjuangan.
- 2.2. Warna kuning melambangkan ketinggian dan kemuliaan yang patut dipertahankan oleh setiap ahli Kelab.
- 2.3. Bunga padi berwarna hijau melambangkan semangat kerjasama yang disemai dikalangan ahli-ahli Kelab. Warna hijau digunakan bagi melambangkan bahawa Ugama Islam sebagai tunggak untuk ke arah perpaduan dan semangat kerjasama.
- 2.4. Lingkaran berkisi-kisi diibaratkan sebagai roda jentera yang bergerak untuk membawa kemajuan kepada ahli Kelab khususnya di bidang sukan.
- 2.5. Obor memberi makna cahaya yang melambangkan semangat kesukunan yang merangkaikan tiga bulatan dimana tiga bahagian iaitu Bahagian Tanah, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pentadbiran yang terdapat di Jabatan ini.
- 2.6. Dua buah tembok berpintu kukuh berlatarbelakangkan ombak laut merupakan lambang sejarah pintu Gedung menjalin peristiwa silam Daerah Klang, mencatat sejarah tanah air dalam perhubungan dengan dunia luar dan ini merupakan identiti Daerah Klang.



Perlembagaan KESDAT

2.7. Cogan kata Kelab ini ialah ‘BERSATU ERAT MAJU’.

FASAL 3 TUJUAN-TUJUAN

Tujuan Kelab ini adalah seperti berikut:

- 3.1. Berusaha meninggalkan mutu dan semangat kesukanan di kalangan ahli-ahli dengan mengadakan latihan-latihan, perlawanan dan kursus-kursus kepada ahli-ahli yang difikirkan perlu.
- 3.2. Menggalakkan ahli-ahli supaya mempunyai semangat yang tinggi dan akhlak yang baik, bertatatertib dan berdisiplin dengan mengadakan ceramah-ceramah dan nasihat-nasihat.
- 3.3. Menggalakkan ahli-ahli supaya mempunyai semangat muhibbah dalam kehidupan sehari-sehari dengan menganjurkan majlis-majlis perjumpaan dengan ceramah yang berbentuk muhibbah, perpaduan dan kerjasama.
- 3.4. Menggalakkan ahli-ahli supaya mempunyai semangat bergotong-royong, bantu-membantu dan saling bekerjasama dalam kehidupan sehari-sehari dengan mengajurkan kerja gotong-royong dan amal kebajikan.
- 3.5. Memberi sokongan kepada ahli-ahli dalam waktu-waktu kecemasan, kemalangan dan kebajikan, yang tidak diiktirafkan dalam kategori “Pertubuhan Faedah Bersama” Akta Pertubuhan 1966.
- 3.6. Menggalakkan ahli-ahli supaya memelihara unsur-unsur kebudayaan berteraskan kebudayaan nasional dengan memberi latihan-latihan, kursus-kursus dan ceramah-ceramah.
- 3.7. Menggalakkan ahli-ahli supaya berusaha menambah ilmu pengetahuan dan keagamaan dengan mengadakan bahan-bahan bacaan di Kelab ini.



FASAL 4 BIDANG KEGIATAN

Bagi mencapai tujuan-tujuan di atas, Kelab ini bolehlah menjalankan kegiatan-kegiatan seperti berikut:

- 4.1. Mengadakan perlawanan-perlawanan persahabatan.
- 4.2. Menganjurkan pertandingan-pertandingan sukan.
- 4.3. Mengadakan majlis jamuan dan perjumpaan.
- 4.4. Menerima sumbangan-sumbangan dan memberikan sumbangan-sumbangan.
- 4.5. Mengaturkan pertunjukan atau pesta atau lain-lain seumpama dengannya untuk mengisi tabung Kelab.
- 4.6. Menempah, memesan dan membeli pakaian sukan, alat sukan dan cenderamata-cenderamata.
- 4.7. Menjual dan menghadiahkan pakaian sukan, alat sukan dan cenderamata.
- 4.8. Mengadakan ceramah-ceramah, kelas-kelas dan kursus-kursus untuk faedah ahli sama ada dalam bidang sukan, pelajaran, kebajikan atau agama. Sebarang kegiatan agama hendaklah mendapat persetujuan Jabatan Agama Islam Selangor terlebih dahulu.
- 4.9. Mengadakan lain-lain kegiatan yang difikirkan patut untuk:-
 - 4.9.1. Menambah tabung kelab.
 - 4.9.2. Mengeratkan perpaduan dan kerjasama di kalangan ahli-ahli.
 - 4.9.3. Meningkatkan kemahiran ahli-ahli Kelab.

FASAL 5 KEAHLIAN

- 5.1. Ahli-ahli Kelab ini terbahagi seperti berikut:

5.1.1. AHLI BIASA



Khas untuk semua kakitangan yang bekerja di Pejabat Daerah dan Tanah Klang sama ada lelaki atau perempuan yang berumur lebih dari enam belas (16) tahun dan bersedia mematuhi segala kehendak-kehendak Rang Undang-undang Kelab.

5.1.2. AHLI BERSEKUTU

Khas untuk selain daripada kakitangan yang betugas di Pejabat Daerah dan Tanah Klang yang bertugas di lain-lain Jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan yang bersedia mematuhi segala kehendak-kehendak Rang Undang-undang Kelab.

5.1.3. AHLI KEHORMAT

Orang-orang kenamaan, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan tanpa mengira keturunan bangsa dan agamanya yang dicadangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Agong Kelab.

5.2. Permohonan menjadi ahli:

Tiap-tiap permohonan hendaklah dilakukan seperti berikut:

- 5.2.1. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli bagi Ahli Biasa atau Ahli Bersekutu hendaklah dibuat di atas Borang Menjadi Ahli yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kelab dengan menyertakan bayaran masuk menjadi ahli Kelab ini seperti yang ditetapkan. Borang yang sudah dipenuhi itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Kelab ini.
- 5.2.2. Tiap-tiap permohonan menjadi ahli Kelab ini hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli-ahli biasa Kelab ini.
- 5.2.3. Tiap-tiap Borang Permohonan Menjadi Ahli Kelab ini yang telah diterima oleh Setiausaha Kelab ini, hendaklah dipamerkan di papan kenyataan Kelab ini selama empat belas (14) hari, jika ada ahli-ahli hendak membantah kemasukannya menjadi ahli Kelab ini. Bantahan hendaklah disampaikan dengan bersurat kepada Setiausaha Kelab ini dalam tempoh pameran itu, dengan menyatakan alasan-alasan bantahan-bantahan jika ada.
- 5.2.4. Semua Borang-borang Permohonan Menjadi Ahli yang sudah dipamerkan hendaklah dibawa oleh Setiausaha Kelab



ini ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kelab ini, dengan merujukkan semua bantahan-bantahan jika ada.

- 5.2.5. Mesyuarat Jawatankuasa Kelab ini berhak menerima atau menolak sebarang permohonan menjadi ahli Kelab ini, tanpa menyatakan kepada setiap permohonan akan sebab-sebabnya.
 - 5.2.6. Mereka yang permohonannya menjadi ahli Kelab ini ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kelab ini boleh merayu dengan bersurat kepada Setiausaha Kelab ini supaya permohonan itu diterima dengan menyatakan alasan-alasannya dalam tempoh sebulan dari tarikh permohonannya ditolak dan Setiausaha Kelab ini bolehlah membawa surat rayuan itu ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa berikutnya.
 - 5.2.7. Setiap permohonan menjadi Ahli Kelab ini yang telah ditolak sebanyak dua kali, maka Jawatankuasa Kelab ini tidaklah boleh meluluskan permohonan itu hingga enam bulan dari tarikh penolakkannya kali yang akhir.
 - 5.2.8. Ahli Kehormat hendaklah dicadangkan dan disokong oleh ahli-ahli biasa Kelab ini dalam Mesyuarat Agong Kelab ini dan diluluskan oleh Mesyuarat Agong itu.
- 5.3. Hanya Ahli Biasa yang tidak berhutang yuran bulanan selama dua bulan berhak mengundi dan dilantik untuk memegang jawatan di dalam Kelab ini.

FASAL 6 BAYARAN MASUK, YURAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN

- 6.1. Bayaran masuk dan yuran adalah seperti berikut:

6.1.1. BAYARAN MASUK

- 6.1.1.1. Ahli-ahli Biasa dan Ahli-ahli Bersekutu sebanyak \$1.00 sen (Ringgit : Satu sahaja) seorang.
- 6.1.1.2. Ahli-ahli Kehormat tidak dikenakan apa-apa bayaran.



6.1.2. YURAN BULANAN

Kadar yuran bulanan adalah mengikut kumpulan kakitangan seperti berikut:

6.1.2.1.	Gred 1 – 16	= RM 5.00
6.1.2.2.	Gred 17 – 21	= RM 6.00
6.1.2.3.	Gred 21 – 31	= RM10.00
6.1.2.4.	Gred 32 – 40	= RM15.00
6.1.2.5.	Gred 41 – 47	= RM 20.00
6.1.2.6.	Gred 48 ke atas	= RM 30.00

- 6.2. Yuran bulanan hendaklah dibayar kepada Bendahari dalam masa 14 hari dari awal tiap-tiap bulan atau secara potongan gaji bulanan dengan syarat kebenaran bertulis diperolehi daripada ahli berkenaan dan juga Ketua Jabatan.
- 6.3. Yuran Khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dijalankan dengan persetujuan Mesyuarat Agong ahli-ahli. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar Wang Yuran tersebut di dalam masa yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

FASAL 7 BERHENTI MENJADI AHLI

- 7.1. Seorang ahli boleh berhenti daripada menjadi ahli Kelab dengan memberi kenyataan bertulis dua minggu terlebih dahulu kepada Setiausaha dan membayar segala hutang-hutangnya.
- 7.2. Seorang ahli boleh diberhentikan dari menjadi ahli Kelab oleh Jawatankuasa Kelab, jika ahli itu melanggar perlombagaan Kelab ini atau mencemar nama baik Kelab ini.

FASAL 8 MESYUARAT AGUNG

- 8.1. Pengelolaan Kelab ini terserah kepada Mesyuarat Agung Tahunan. Sekurang-kurangnya satu perdua daripada jumlah ahli-ahli biasa yang berhak mengundi atau dua kali ganda jumlah ahli jawatankuasa, mengikut mana yang kurang hendaklah hadir di



dalam Mesyuarat Agong Tahunan bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupkan bilangan (korum) untuk mesyuarat.

- 8.2. Jika korum tidak cukup selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh (tidak lebih daripada 10 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak cukup selepas setengah jam dari waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka berkuasalah ahli-ahli yang hadir menjalankan mesyuarat, tetapi tidaklah berkuasa mengubah Undang-undang Kelab dan membuat keputusan mengenai semua ahli.
- 8.3. Mesyuarat Agung Tahunan bagi Kelab ini hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah akhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada bulan April pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Tahunan ialah:
 - 8.3.1. Menerima dan mengesahkan Peringatan Mesyuarat Agung yang lalu.
 - 8.3.2. Menerima Laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja Kelab di dalam tahun yang lalu.
 - 8.3.3. Menerima Laporan Bendahari dan penyata wang yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
 - 8.3.4. Melantik ahli-ahli Jawatankuasa dan Pemeriksa Kira-kira untuk dua tahun yang akan datang.
 - 8.3.5. Mengurus lain-lain perkara yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.
- 8.4. Pengumuman awal kerana Mesyuarat Agung Tahunan yang menerangkan tarikh, waktu dan tempat dan panggilan untuk memberi cadangan-cadangan untuk pemilihan ahli-ahli Jawatankuasa, hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha kepada tiap-tiap ahli tidak lewat daripada 21 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat dan pengumuman ini hendaklah ditunjukkan supaya jelas kelihatan di Pejabat yang telah didaftarkan atau tempat mesyuarat bagi Kelab.
- 8.5. Pencalonan-pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai dan cadangan-cadangan untuk dirundingkan di dalam mesyuarat



hendaklah dihantar supaya sampai kepada Setiausaha tidak lewat daripada 7 hari selepas penerimaan pengumuman mesyuarat.

- 8.6. Setiausaha hendaklah menghantar kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya satu hari sebelum diadakan mesyuarat satu agenda (agenda mesyuarat) termasuk salinan-salinan peringatan mesyuarat dan laporan-laporan, cadangan-cadangan dan pencalonan-pencalonan untuk pemilihan pegawai-pegawai berserta dengan penyata kira-kira Kelab bagi tahun lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat ini hendaklah senang diperolehi untuk dibaca oleh ahli-ahli dari alamat berdaftar atau tempat mesyuarat Kelab.
- 8.7. Mesyuarat Agung Khas bagi Kelab ini boleh diadakan:
 - 8.7.1. Bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa; atau
 - 8.7.2. Atas permintaan beramai-ramai dengan bertulis boleh tidak kurang daripada 20 orang ahli biasa, dengan menerangkan tujuan-tujuan dan sebab-sebab mengadakannya.
- 8.8. Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat.
- 8.9. Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan kepada semua ahli-ahli oleh Setiausaha sekurang-kurangnya 15 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.
- 8.10. Fasal 8.1 dan 8.2 di dalam Undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli, maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan daripada tarikh ini, Mesyuarat Agung khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.
- 8.11. Setiausaha hendaklah menghantarkan kepada semua ahli salinan rangka peringatan tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan atau Khas dengan seberapa segera setelah selesainya mesyuarat itu.
- 8.12. Ahli-ahli yang tidak hadir semasa Mesyuarat Agung ini boleh memberitahu undi proksinya kepada sebarang ahli biasa yang tidak berhutang yuran bulanan selama dua bulan. Tiap-tiap seorang ahli biasa hanya boleh menerima dua undi proksi sahaja.



- 8.13. Segala keputusan-keputusan yang diambil di dalam Kelab ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali setelah diputuskan oleh Mesyuarat Agung berikutnya.

FASAL 9 JAWATANKUASA

- 9.1. Satu jawatankuasa seperti berikut yang dinamakan Pegawai-pegawai Kelab hendaklah dilantik setiap dua tahun sekali di dalam Mesyuarat Agung kecuali Penasihat:
 - 9.1.1. Seorang Pengerusi
 - 9.1.2. Seorang Naib Pengerusi
 - 9.1.3. Seorang Setiausaha
 - 9.1.4. Seorang Bendahari
 - 9.1.5. 8 orang ahli-ahli Jawatankuasa Biasa
 - 9.1.6. Pengerusi boleh melantik tidak lebih daripada tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Biasa lagi sekiranya didapati perlu.
 - 9.1.7. Pengerusi dilantik secara pengundian di antara Ketua Penolong Pegawai Daerah (KPPD).
 - 9.1.8. Penasihat ialah dengan sendirinya Tuan Pegawai Daerah Klang.
 - 9.1.9. Penolong Setiausaha adalah dilantik oleh Setiausaha sendiri.

“Pemegang-pemegang Jawatan Kelab ini dan tiap-tiap Pegawai yang menjalankan tugas-tugas memerintah dalam Kelab ini hendaklah Warganegara Malaysia.”

- 9.2. Nama-nama untuk jawatan-jawatan yang di atas hendaklah dicadangkan dan disokong dan pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli biasa di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Semua pegawai-pegawai boleh dilantik semula tiap-tiap tahun.
- 9.3. Tugas Jawatankuasa ialah mengelola dan mengaturkan kerja-kerja harian Kelab dan membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan Kelab dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung. Jawatankuasa



seharusnya tidaklah boleh membuat tindakan bertentangan dengan keputusan Mesyuarat Agung dengan tidak terlebih dahulu berhubung dengannya keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa mestilah sentiasa taat keputusan Mesyuarat Agung. Jawatankuasa hendaklah memberikan laporannya berkenaan kegiatan-kegiatan di dalam tahun lalu kepada tiap-tiap Mesyuarat Agung Tahunan.

- 9.4. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 3 bulan dan 7 hari pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli. Pengurus dengan sendirian, atau tidak lebih 3 orang Ahli Jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.
- 9.5. Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan Mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka bolehlah Setiausaha menerima kelulusan daripada Jawatankuasa dengan Surat Pekeliling. Syarat-syarat yang berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:
 - 9.5.1. Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam Surat Pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap Ahli Jawatankuasa.
 - 9.5.2. Sekurang-kurangnya setengah daripada bilangan ahli-ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
 - 9.5.3. Keputusan hendaklah dengan undi yang terbanyak.
- 9.6. Ahli Jawatankuasa yang mungkir menghadiri mesyuarat jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.
- 9.7. Jika seorang ahli jawatankuasa meninggal dunia atau meletakkan jawatan, calon yang kedua mendapat undi terbanyak di dalam pemilihan yang lalu hendaklah dipanggil untuk memenuhi



kekosongan itu. Jika calon yang sedemikian tidak ada atau menolak jawatan itu, maka berkuasalah Jawatankuasa melantik lain ahli Kelab memenuhi kekosongan itu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

- 9.8. Jawatankuasa boleh memberi perintah kepada Setiausaha dan lain-lain pegawai untuk menjalankan urusan-urusan kelab. Ia bolehlah melantik pengurus-pengurus dan kakitangan yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantungkan atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau kakitangan kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar menjalankan keputusan jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan merosakkan kelab.
- 9.9. Jawatankuasa boleh melantik Jawatankuasa Kecil yang difikirkan perlu dari masa ke semasa asalkan tidak bertentangan dengan peraturan kelab.
- 9.10. Di antara Mesyuarat-mesyuarat Agung, Jawatankuasa boleh memberi tafsirannya kepada undang-undang ini dan bila mustahak memutuskan perkara-perkara yang terkandung di dalam Undang-undang ini.
- 9.11. Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika atau sehingga tidak dirombak oleh keputusan Mesyuarat Agung.

FASAL 10 KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI

10.1. PENGERUSI

- 10.1.1. Pengerusi dalam masa jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua Mesyuarat Agung dan semua Mesyuarat Jawatankuasa.
- 10.1.2. Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Kelab.
- 10.1.3. Ia mempunyai undi pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan-peringatan mesyuarat bila diluluskan.
- 10.1.4. Ia hendaklah menandatangi semua cek-cek Kelab bersama-sama dengan Bendahari dan Setiausaha.



10.1.5. Perlantikan Pengerusi adalah atas pengundian di kalangan Ketua Penolong Pegawai Daerah (KPPD) (Fasal 9.1.6).

10.2. NAIB PENGERUSI

10.2.1. Naib Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.

10.3. SETIAUSAHA

10.3.1. Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja kelab mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah Mesyuarat Agung dan Jawatankuasa.

10.3.2. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat-menyurat.

10.3.3. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek Kelab bersama-sama dengan Pengerusi dan Bendahari.

10.3.4. Setiausaha dibenarkan menguruskan perbelanjaan bagi Kelab tidak lebih daripada RM100.00 pada satu masa.

10.3.5. Setiausaha hendaklah mencatit, menyimpan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung untuk dibentangkan di dalam mesyuarat berkenaan bagi disahkan.

10.3.6. Setiausaha hendaklah memanggil dan menghadiri semua mesyuarat-mesyuarat.

10.3.7. Setiausaha hendaklah menjalankan lain-lain kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau perkara yang tidak selaras dengan dasar-dasar telah dibuat di dalam Mesyuarat Agung.

10.4. PENOLONG SETIAUSAHA

10.4.1. Membantu tugas-tugas Setiausaha dan memangku Jawatan Setiausaha semasa ketiadaannya.

10.5. BENDAHARI



- 10.5.1. Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan Kelab.
- 10.5.2. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kebetulannya.
- 10.5.3. Ia hendaklah menandatangani semua cek-cek Kelab bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha.
- 10.5.4. Menjaga semua wang-wang yang diterima oleh Kelab.
- 10.5.5. Menyimpan semua wang-wang yang diterima ke dalam bank.
- 10.5.6. Menyimpan wang tunai dalam tangan pada bila-bila masa untuk perbelanjaan runcit-runcit tidak lebih daripada RM2000.00.
- 10.5.7. Menyediakan semua resit-resit, baucer-baucer dan surat yang dikehendaki.
- 10.5.8. Menyimpan dengan sempurna dan beresnya kira-kira dan buku-buku kira-kira kelab ini dan menyediakan segala-galanya bagi diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira sekurang-kurangnya sekali sebulan.

FASAL 11 KEWANGAN DAN PUNCA-PUNCA KEWANGAN

- 11.1. Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, wang kelab ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan Kelab termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, biayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji. Dan upah memeriksa kira-kira tatapi walau bagaimanapun tidaklah boleh digunakan untuk membayar denda ahli yang telah dijatuhkan hukuman di mahkamah.
- 11.2. Segala cek-cek atau kenyataan pengeluaran wang dari kira-kira kelab, hendaklah ditandatangani bersama oleh Pengerusi (atas ketiadaannya oleh Naib Pengerusi), Setiausaha dan Bendahari. Kerana ketidaan Setiausaha maka Penolong Setiausaha mengantikannya, manakala ketidaan Bendahari maka bolehlah



Jawatankuasa melantik sesiapa diantara mereka sebagai pengganti Bendahari untuk menurunkan tandatangan.

- 11.3. Perbelanjaan yang lebih daripada RM200.00 sesuatu masa tidak boleh dibayar dengan tidak diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa.
- 11.4. Penyata dari hal wang yang diterima dan dibelanjakan beserta timbalan kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan dan diperiksa oleh Juruaudit-juruaudit dengan seberapa segeranya setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agong Tahunan yang berikut dan salinan-salinannya hendaklah boleh diperolehi untuk maklumat ahli dari alamat yang berdaftar atau dari tempat mesyuarat bagi kelab.
- 11.5. Sumber-sumber kewangan seperti di bawah ini boleh diterima oleh kelab:
 - 11.5.1. Derma-derma dan bantuan dari kerajaan dan badan-badan kebajikan yang halal pergerakannya di segi Undang-undang Negara, dengan syarat mendapat kebebaran dari pihak kerajaan yang berkenaan terlebih dahulu.
 - 11.5.2. Sewa dari harta kelab ini.
 - 11.5.3. Bayaran-bayaran permainan yang dijalankan di kelab ini.
 - 11.5.4. Lain-lain sumber yang diikhtiarkan oleh Jawatankuasa Kelab ini dari masa ke semasa.
- 11.6. Tahun kewangan bagi kelab ini bermula dari 1hb. Januari hingga 31hb. Disember.

FASAL 12 PEMERIKSA KIRA-KIRA

- 12.1. Dua orang yang bukannya pegawai-pegawai kelab boleh dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan sebagai Pemeriksa Kira-kira. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun dan boleh dilantik semula.
- 12.2. Pemeriksa kira-kira adalah dikehendaki memeriksa kira-kira kelab ini bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Mesyuarat Agung. Ia/mereka harus juga dikehendaki bila-bila masa



oleh Pengerusi memeriksa kira-kira Kelab bagi mana-mana masa di dalam tempoh perjawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

FASAL 13 TETAMU KELAB

Adalah yang dikatakan tetamu kelab ini adalah seperti berikut:

- 13.1. Ahli-ahli biasa kelab ini bolehlah pada bila-bila masa pun membawa seseorang tetamu atau lebih ke dalam kelab ini. Tetamu tersebut mestilah bersedia mematuhi segala peraturan-peraturan yang biasa dikenakan kepada tetamu-tetamu.
- 13.2. Tetamu-tetamu yang dibawa ahli-ahli kelab ini hendaklah didaftarkan di dalam Buku Pendaftaran Tetamu yang disediakan di kelab ini. Pengawas kelab hendaklah menuliskan segala butir-butir mengenai tetamu-tetamu itu pada masa tetamu-tetamu ini memasuki kelab ini.
- 13.3. Tetamu-tetamu yang mendaftarkan dirinya dalam buku Pendaftaran Tetamu bolehlah menggunakan segala kemudahan-kemudahan kelab ini seperti yang diterima oleh ahli kelab ini.
- 13.4. Tetamu-tetamu yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bolehlah diperintahkan keluar dari kelab ini dan kesalahan tetamu itu hendaklah dicatitkan di dalam buku Pendaftaran Tetamu dan tetamu yang diperintahkan keluar dari kelab ini tidak boleh diterima lagi sebagai tetamu pada masa-masa akan datang.

FASAL 14 HARTA KELAB

- 14.1. Kelab ini boleh memiliki harta dengan seberapa banyak tidak kira sama harta alih atau tidak alih.

FASAL 15 PENGAMANAH

- 15.1. Tiga orang Pengamanah hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Mereka diamanahkan semua harta tetap kepunyaan kelab dengan menandatangani suatu surat amanah.
- 15.2. Pemegang amanah dilarang menjual, menggadai, mencagar, menarik balik atau menukar hak milik harta kepunyaan kelab dengan tidak ada persetujuan dari kuasa yang diberikan oleh Mesyuarat Agong.



- 15.3. Seorang pengamanah boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Mesyuarat Agung oleh sebab uzur kerana penyakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya dengan memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakkan jawatan atau pembuangan bagi seorang pengamanah maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Pengamanah yang baru dilantik di dalam Mesyuarat Agung.

FASAL 16 TINDAKAN TATATERTIB

- 16.1. Jawatankuasa kelab ini bolehlah mengambil tindakan tataterrib terhadap ahli-ahli kelab ini, sama ada dipecat dari menjadi ahli kelab atau digantung keahliannya, ini mengikut pertimbangan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kelab ini yang diadakan dari masa ke semasa.
- 16.2. Dalam tempoh penggantungan ahli kelab tidak dapat apa-apa kemudahan kelab.

FASAL 17 LARANGAN

- 17.1. Ahli dilarang menyalahgunakan dadah.
- 17.2. Dilarang melakukan atau mengambil bahagian dalam sebarang kelakuan/kegiatan yang tidak berakhlek.
- 17.3. Permainan judi adalah dilarang di dalam bangunan kelab.
- 17.4. Kelab atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga-harga atau mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti diterangkan di dalam Undang-undng Kesatuan Sekerja 1959.
- 17.5. Dilarang menggunakan kemudahan kelab untuk kegiatan yang lain selain daripada untuk mencapai tujuan kelab ini.

FASAL 18 WANG KEUNTUNGAN PERNIAGAAN

- 18.1. Sebarang keuntungan yang diperolehi oleh kelab dalam mana-mana perniagaan atau pelaburan yang disertainya tidak boleh diberi bonus atau dividen dan hendaklah dimasukkan dalam tabung kewangan kelab untuk menjalankan aktivitinya. Bagaimana pun ianya boleh digunakan untuk membayar upah atau belanja untuk pentadbiran dan elauan untuk ahli-ahlinya.



FASAL 19 PINDAAN UNDANG-UNDANG

- 19.1. Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan Mesyuarat Agung. Perubahan-perubahan atau pindaan-pindaan kepada undang-undang hanya boleh dijalankan kuatkuasanya mulai daripada tarikh perubahan-perubahan dan pindaan-pindaan itu dibenarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.
- 19.2. Sebarang pindaan undang-undang hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 28 hari dari tarikh keputusan dibuat oleh Mesyuarat Agung.

FASAL 20 PEMBUBARAN

- 20.1. Kelab ini boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tiga kurang daripada tiga perlima jumlah semua ahli-ahli biasa.
- 20.2. Sekiranya kelab hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas maka segala hutang dan tanggungan kelab yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang tang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung.
- 20.3. Kenyataan mengenai pembubaran ini hendaklah diberitahu kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubarannya.

Segala pindaan dalam perlembagaan ini telah dibentangkan ke dalam Mesyuarat Agung Kelab ini pada 28 Januari 2019 jam 2.30 petang di Bilik Gerakan Pejabat Daerah/Tanah Klang dan mesyuarat tersebut telah menerima dengan sebulat suara segala pindaan tersebut. Pindaan ini disahkan dalam Mesyuarat Agung Kelab ini pada 5 Mac 2021 jam 9.00 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah/Tanah Klang.

**(MOHD SHAHRIZAL BIN MOHD
SALLEH, AMS)**
Pengerusi

**(MOHAMAD SAIFUL AZRI BIN
MOHD FOUZI)**
Setiausaha



Perlembagaan KESDAT